

SURAH SAD



Surah: 38 Juzuk: 23 Bil. Ayat: 88

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,
lagi Maha Mengasihani.

1. Saad, demi al-Quran yang mengandungi peringatan.
2. Tetapi orang yang kafir itu (berada) dalam kesombongan dan permusuhan.
3. Berapa banyak umat yang terdahulu daripada mereka yang telah Kami binasakan? Lalu mereka meminta pertolongan, padahal saat itu bukanlah saat untuk melepaskan diri daripada azab.
4. Mereka merasa hairan bahawa mereka didatangi seorang rasul pemberi peringatan daripada kalangan mereka sendiri. Mereka yang kafir itu berkata: «Orang ini adalah seorang ahli sihir yang banyak berdusta».
5. «Apakah dia menjadikan tuhan-tuhan itu Tuhan yang satu sahaja? Sesungguhnya ini adalah satu perkara yang menakjubkan!»
6. Lalu pergilah ketua-ketua mereka (sambil berkata): «Pergilah kamu dan tetaplah (menyembah) tuhan-tuhan kamu. Sesungguhnya ini benar-benar suatu perkara yang dikehendaki».

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

صَّوْفَقُهُانِ ذِي الْكَرْكَرِ

بِلِ الَّذِينَ كَفَرُوا فِي عَزَّةٍ وَشَفَاقٍ

كَأَهْلَكَنَا مِنْ قَبْلِهِمْ مَنْ فَرَنِ فَنَادَوْا فِي لَاتِ حِينَ

مَنَاصِ

وَجَبُوا أَنْ جَاءَهُمْ مُنْذَرٌ مِنْهُمْ وَقَالَ الْكَفَرُونَ

هَذَا سَحْرُكَذَابٍ

أَجْعَلَ الْآلَهَةَ إِلَهًا وَجِدًا إِنْ هَذَا لَشَنِيٌّ

نَجَابٌ

وَأَنْطَلَقَ الْمَلَائِكَةُ مِنْهُمْ أَنْ أَمْشُوا وَأَصْبِرُ وَاعْلَمَ

إِلَهَتَكَذِيبٌ إِنْ هَذَا لَشَنِيٌّ يُرَادٌ

7. «Kami tidak pernah mendengar tentang perkara ini dalam agama yang terakhir⁽¹⁾. (Mengesakan Allah) ini hanyalah rekaan dan dusta semata-mata».
8. (Mereka berkata lagi): «Mengapakah wahyu peringatan itu diturunkan kepada Muhammad dan bukannya yang lain di antara kita?» (Mereka bukan sahaja mengingkari kelayakan Muhammad) bahkan mereka berada dalam keraguan tentang peringatan yang Aku wahyukan itu, mereka belum lagi merasai azabKu.
9. Atau apakah mereka mempunyai pertimbangan rahmat Tuhanmu yang Maha Perkasa lagi Maha Melimpah pemberianNya?
10. Atau adakah mereka mempunyai kuasa pemerintahan langit dan bumi serta apa yang ada di antara keduanya? (Jika ada) maka biarlah mereka menaiki tangga-tangga (ke langit).
11. (Sebenarnya mereka hanyalah) sepasukan tentera daripada kumpulan-kumpulan (yang menentang kebenaran), yang pada suatu masa kelak tetap akan dikalahkan⁽²⁾.

مَآسِمَنَا بِهِذَا فِي الْجِلَّةِ الْآخِرَةِ إِنْ هَذَا إِلَّا
أَخْتِلَاقٌ

أَنْزَلَ عَلَيْهِ اللَّهُ كُرْمٌ بَيْنَتَابِلٍ هُوَ فِي شَكٍّ مِنْ
ذِكْرِي بَلْ لَمَّا يَدُوْفُ قُوَّادَابٍ

أَمْ عِنْدَهُمْ خَرَابٌ رَحْمَةُ رَبِّكَ الْعَزِيزُ الْوَهَابٌ

أَمْ لَهُمْ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا يَنْهَا
فَلَيَرْتَقُوا فِي الْأَسْبَابِ

جُدُّ مَا هَنَالِكَ مَهْرُومٌ مِنَ الْأَخْرَابِ

1 Menurut kafir Quraisy, agama yang terakhir ialah agama Nasrani yang mempercayai tuhan ada tiga.
 2 Kekalahan yang dimaksudkan ialah pada perang Khandaq atau perang Ahzab di mana beberapa golongan kaum musyrikin, kabilah Yahudi dan kabilah Arab yang berpakat menyerang kaum muslimin di Madinah. Peperangan ini berakhir dengan kucar-kacirnya=

12. Sebelum mereka itu, kaum Nuh, Aad (kaum Hud) serta Firaun yang mempunyai kerajaan yang kuat, juga telah mendustakan para rasul masing-masing.
13. Juga Thamud (kaum Soleh), kaum Lut dan penduduk Aikah⁽¹⁾, merekalah golongan bersekutu.
14. Tidak ada satupun daripada kaum-kaum yang tersebut, melainkan telah mendustakan para rasul, maka mereka berhak ditimpah azab.
15. Orang ini (yang menentang Muhammad), tidak menunggu melainkan satu jeritan suara⁽²⁾ yang tidak akan berulang lagi.
16. Mereka berkata pula (dengan mempersenda): «Wahai Tuhan kami! Segerakanlah azab yang ditetapkan bagi kami sebelum datangnya hari Perhitungan⁽³⁾».
17. Bersabarlah (wahai Muhammad) terhadap apa sahaja yang mereka katakan, ingatlah hamba Kami Daud yang mempunyai kekuatan (dalam pegangan agamanya), sesungguhnya dia sangat taat.
18. Sesungguhnya Kami telah menundukkan gunung-ganang untuk bertasbih bersama-sama

كَذَّبُتْ قَبْلَهُمْ قَوْمٌ بُوْحٌ وَعَادٌ وَفِرْعَوْنٌ
دُؤْلَأَوْقَادٌ

وَثَمُودٌ وَقَوْمٌ لُوطٌ وَأَصْحَابُ لَكِيْكَةٍ أُولَئِكَ
الْأَخْرَابُ

إِنَّ كُلًّا إِلَّا كَذَّبَ الرَّسُولَ فَهَقَّ
عِقَابٌ

وَمَا يَنْظُرُهُؤُلَاءِ إِلَّا الصِّحَّةَ وَجَدَهَ مَا لَهَا
مِنْ فَوَاقٍ

وَقَالُوا رَبَّنَا يَعْجِلْ لَنَا قِطْنَانًا فَبَلَّ بَوْرَ الْحَسَابِ

أَضَبَرَ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَأَذْكَرَ عَبْدَنَادَأُورَدَذَا الْأَيْدِيْرُ
إِنَّهُؤَقَابٌ

إِنَّا سَخَّرْنَا الْجَبَالَ مَعَهُ رُسَيْحَنَ بِالْعَشِيْ
وَالْأَشْرَقَ

- = tentera mereka. Sebahagian ahli tafsir menyatakan bahawa yang dimaksudkan ialah perperangan Badar.
- 1 sebuah kampung di negeri Madyan.
- 2 Jeritan suara ini ialah petanda hari kiamat, jeritan yang amat keras dan cepat.
- 3 hari kiamat.

dengannya pada waktu petang dan pagi.

19. (Kami juga tundukkan) burung-burung dalam keadaan terkumpul. Masing-masing sangat taat (kepada Allah).
20. Kami kuatkan kerajaannya, serta Kami kurniakan kepadanya hikmah dan kepetahan berkata-kata dalam memutuskan sesuatu perkara.
21. Sudahkah sampai kepadamu (wahai Muhammad) berita orang yang bertelingkah? Ketika mereka memanjat tembok tempat ibadat.
22. Iaitu ketika mereka masuk menemui Daud, lalu dia terkejut kerana (kedatangan mereka). Mereka berkata kepadanya: «Janganlah takut, (kami ini) adalah dua orang yang bertelingkah. Salah seorang daripada kami telah menzalimi yang lain, maka hukumlah kami dengan adil dan janganlah melampau, serta pimpinlah kami ke jalan yang lurus».
23. «Sebenarnya orang ini ialah saudaraku, dia mempunyai sembilan puluh sembilan ekor kambing betina dan aku mempunyai seekor sahaja. Dia telah (mendesakku dengan) berkata: «Serahkanlah yang seekor itu kepadaku», dan dia

وَالْأَطِيرَ مَحْشُورَةً كُلَّهُ أَوَابٌ ﴿١٩﴾

وَشَدَّدَنَا مُلْكَهُ وَعَاهَتِنَهُ الْحُكْمَهُ وَفَصَلَ

الْخُطَابِ ﴿٢٠﴾

* وَهَلْ أَتَنَا نَبِيًّا أَخْصَمْ إِذْ سَوَرُوا

الْمُحَرَّابَ ﴿٢١﴾

إِذْ دَخَلُوا عَلَى دَاؤِدَ فَقَنَعَ مِنْهُمْ قَالُوا إِنَّكَ
خَصَمَانِ بَعِي بَعْضُنَا عَلَى بَعْضٍ فَاحْكُمْ بَيْنَنَا
بِالْحُقْقِ وَلَا شُطُطًا وَأَهْدِنَا إِلَى سَوَاء الْصِّرَاطَ

إِنَّ هَذَا أَخْيَ لَهُ تَسْعُ وَتَسْعُونَ بَعْهَهُ وَلِي تَجْهِي
وَحْدَهُ فَقَالَ أَهْنِهَا وَعَزَّنِي فِي الْخُطَابِ ﴿٢٣﴾

telah menewaskan aku dalam perdebatan itu».

- 24.** Daud berkata: «Sesungguhnya dia telah menzalimimu dengan meminta kambingmu itu (sebagai tambahan) kepada kambing-kambingnya, dan sesungguhnya memang ramai di antara orang yang bersekutu itu, sesetengahnya melakukan kezaliman kepada sesetengah yang lain, kecuali orang yang beriman dan beramal soleh, sedang mereka amatlah sedikit!» Daud mengetahui sebenarnya Kami telah mengujinya, lalu dia memohon ampun kepada Tuhananya sambil merebahkan dirinya sujud dan bertaubat.

- 25.** Maka Kami ampunkan kesalahannya itu, sesungguhnya dia mempunyai kedudukan yang dekat di sisi Kami serta sebaik-baik tempat kembali.

- 26.** Wahai Daud, sesungguhnya Kami telah menjadikanmu khalifah di bumi, maka hukumkanlah di antara manusia dengan (hukum syariat) yang benar. Janganlah engkau mengikut hawa nafsu kerana ia akan menyesatkanmu daripada jalan Allah. Sesungguhnya orang yang sesat daripada jalan Allah akan mendapat azab yang dahsyat kerana mereka melupakan hari Perhitungan itu.

فَالْقَدْ ظَلَمَكَ يُسْوَالُ بِعِتْكَ إِلَيْنَا نَعَاجِهٌ وَإِنَّ كَثِيرًا مِنَ الْخَاطِئِ لَيَتَغْيِرُ بَعْضُهُمُ عَلَى بَعْضٍ إِلَّا الَّذِينَ أَمْنَأْنَا عَلَى الصَّلَاحَةِ وَقَلِيلٌ مَا هُمْ وَظَنَّ دَاؤُدُّ أَنَّمَا فَتَنَهُ فَأَسْتَغْفِرَ رَبَّهُ وَخَرَّ لَعَنَ وَآتَاهُ

وَأَنَّابَ ﴿٤٦﴾

فَغَفَرَنَا لَهُ رَذْلَكَ وَإِنَّ لَهُ عِنْدَنَا لِرُلْقَى

وَحُسْنَ مَقَابِ ﴿٤٧﴾

يَنْدَأُودُ إِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ فَاحْكُمْ بَيْنَ النَّاسِ بِالْحُقْقَى وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَى فِي ضَلَالِكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ إِنَّ الَّذِينَ يَضْلُلُونَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ بِمَا نَسُوا يَوْمَ الْحِسَابِ ﴿٤٨﴾

- 27.** Kami tidak menciptakan langit dan bumi serta apa yang ada di antara keduanya sebagai ciptaan yang tidak mengandungi hikmah dan keadilan. Itu adalah sangkaan orang kafir! Maka celakalah orang yang kafir itu kerana mereka akan masuk neraka.
- 28.** Patutkah Kami jadikan orang yang beriman dan beramal soleh itu sama seperti orang yang melakukan kerosakan di muka bumi? Atau patutkah Kami jadikan orang yang bertakwa sama seperti orang yang berdosa?
- 29.** Al-Quran ini Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad). Kitab yang banyak faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya dan untuk orang yang berakal mengambil iktibar.
- 30.** Kami telah kurniakan kepada Daud (seorang anak bernama) Sulaiman, dia adalah sebaik-baik hamba dan sangat taat (kepada Allah).
- 31.** (Ingatkanlah peristiwa pada suatu petang ketika dipertunjukkan kepada Sulaiman, (sekumpulan kuda) yang tenang ketika berdiri (jinak), lagi tangkas ketika berlari.

وَمَا حَلَقْتَ السَّمَاءَ وَالْأَرْضَ وَمَا يَنْهَا مَبْطَلًا
ذَلِكَ طَلْنُ الَّذِينَ كَفَرُوا فَهُوَ لِلَّذِينَ كَفَرُوا مَنْ
أَنْتَارِ
٢٧

أَمْ نَجَعَلُ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ كَالْمُقْسِدِينَ
فِي الْأَرْضِ أَمْ نَجَعَلُ الْمُتَقِينَ كَالْفَجَارِ
٢٨

كَيْفَ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكُمْ مُّكَفَّلٌ بِذَرْبَرْ وَإِيْتَهُ
وَلَيَسْتَدْكَرُ أُولَئِكُمْ أَلَبِ
٢٩

وَهَبَنَا لِلَّدَّا وَرَدَ سُلَيْمَانَ نَعْمَ الْعَبْدُ إِنَّهُ
أَوَّلُ
٣٠

إِذْ عَرِضَ عَلَيْهِ بِالْعَشِيِّ الْصَّفِيفَتُ لِلْحِيَادِ
٣١

- 32.** Maka Sulaiman berkata: «Sesungguhnya aku telah mengutamakan sesuatu yang baik lebih daripada aku mengingati (kebesaran) Tuhanaku, sampai matahari terbenam».
- 33.** (Kemudian Sulaiman berkata kepada orangnya): «Bawa kuda itu kepadaku», maka dia pun mengusap betis dan leher kuda itu (seekor demi seekor).
- 34.** Sesungguhnya Kami telah menguji Sulaiman, Kami letakkan di atas takhta kebesarannya satu jasad (yang tidak cukup sifatnya) kemudian dia kembali (merayu kepada Kami)⁽¹⁾.
- 35.** Katanya: «Wahai Tuhanaku! Ampunkanlah kesilapanku, dan kurniakanlah kepadaku sebuah kerajaan yang tidak dimiliki oleh sesiapapun selepasku, sesungguhnya Engkau lahir yang sentiasa melimpah kurniaaNya».
- 36.** Maka (Kami kabulkan permohonannya lalu) Kami permudahkan baginya angin yang bertiup perlahan-lahan mengikut

فَقَالَ إِنِّي أَحْبَبُ حُبَّ الْخَيْرِ عَنْ ذِكْرِ رَبِّي حَتَّى
تَوَارَثْ بِالْجَهَابِ ﴿٢٦﴾

رُدُوهَا عَلَىٰ فَطَلْقَ مَسْحَابَ السُّوقِ
وَالْأَعْنَاقِ ﴿٢٧﴾

وَلَقَدْ فَتَنَّا سُلَيْمَانَ وَلَقَيْنَا عَلَىٰ كُرْسِيِّهِ
جَسَدًا لَمْ يُنْظَمْ بَأْنَابِ ﴿٢٨﴾

قَالَ رَبِّي أَعْغَرْتِي وَهَبْ لِي مُلْكًا لَا يَبْنَىٰ لِأَخْدَىٰ
مَنْ بَعْدِي إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَابُ ﴿٢٩﴾

فَسَخَرَنَاهُ الْرَّيحُ تَجْرِي بِأَمْرِهِ رُحَاءً حَتَّىٰ
أَصَابَ ﴿٣٠﴾

1 Ujian terhadap nabi Sulaiman a.s ialah sebagaimana yang disebut dalam hadith-hadith yang sahih: Bahawa baginda, pada suatu malam bersumpah akan bersatu dengan isteri-isterinya supaya setiap seorang daripada mereka melahirkan anak lelaki yang akan berjuang di jalan Allah, tetapi Sulaiman tidak menyebut “Insya Allah” di dalam sumpahnya itu sekalipun telah diingatkan oleh malaikat. Disebabkan kesilapannya itu, hanya seorang anak yang tidak cukup sifat dilahirkan, lalu bidan meletakkannya di atas takhta kebesaran Sulaiman untuk dilihatnya. Di dalam hadith itu Rasulullah s.a.w menerangkan: Kalaualah nabi Sulaiman a.s berkata: “Insya’ Allah” pasti dia mendapat anak-anak yang sempurna sifat yang dapat berjuang pada jalan Allah.

kemahuannya, ke mana sahaja arah yang hendak ditujunya.

- 37.** (Kami mudahkan baginya memerintah) jin syaitan, (dia memerintah) golongan-golongan yang pandai membina bangunan dan yang menjadi penyelam (bagi menjalankan kerja masing-masing).
- 38.** Jin-jin syaitan yang lain diikat dengan rantai-rantai belenggu.
- 39.** (Kami katakan kepadanya): «Inilah kurniaan Kami (kepadamu), maka berikanlah (kepada sesiapa yang engku suka), atau pertahankanlah kurniaan itu. (Terserahlah kepadamu) dengan tidak ada sebarang hitungan (untuk menyalahkanmu)».
- 40.** Sesungguhnya dia mempunyai kedudukan yang dekat lagi mulia di sisi Kami, serta sebaik-baik tempat kembali (pada hari akhirat kelak).
- 41.** (Ingiatlah peristiwa) hamba Kami Ayub, ketika dia berdoa merayu kepada Tuhananya dengan berkata: «Sesungguhnya aku diganggu oleh syaitan dengan penderitaan dan bencana (penyakit)⁽¹⁾».

وَالشَّيْطَنُ كُلُّ بَنَاءٍ وَعَوْاصِمٌ ﴿٢٧﴾

وَآخَرِينَ مُقَرَّبِينَ فِي الْأَصْفَادِ ﴿٢٨﴾

هَذَا عَطَاؤُنَا لَكُمْ أَوْ أَمْسِكُ بِعِيْدِ حِسَابٍ ﴿٢٩﴾

وَإِنَّهُ عِنْدَنَا الْأَقْرَبُ وَحُسْنَ مَعَابٍ ﴿٣٠﴾

وَذَكْرُ عَبْدَنَا أَيُوبَ إِذْ نَادَى رَبَّهُ أَنِّي مَسَّنِي

الشَّيْطَانُ يُضْبِطُ وَعَدَابٍ ﴿٣١﴾

1 Nabi Ayub a.s telah diuji dengan penyakit kulit beberapa tahun lamanya dan dia memohon pertolongan kepada Allah. Allah memakbulkan doanya dan memerintahkan agar baginda menghentakkan kakinya ke bumi. Air yang terpancar dari bumi itu digunakan baginda untuk mandi dan minum sehingga sembuh daripada penyakitnya dan dia dapat =

42. (Maka Kami kabulkan permohonannya serta Kami perintahkan kepadanya): «Hentakkanlah kakimu (ke bumi), ini ialah air sejuk untuk mandi dan minum (bagi menyembuhkan penyakitmu zahir dan batin)».

أَرْكَضْ بِرِحْلَكَ هَذَا مُعْتَسَلٌ بِإِدْوَسَارٍ ﴿٤١﴾

43. Dan Kami kurniakan (lagi) kepadanya keluarga yang sekali ganda ramainya, sebagai satu rahmat daripada Kami dan sebagai satu peringatan bagi orang yang berakal.

وَهَبَنَا لَهُ أَهْلَهُ وَفِتْنَاهُمْ مَعَهُ رَحْمَةً قَاتَّا وَذَرَى
لِأُولَئِكَ الْأَبْيَبِ ﴿٤٢﴾

44. (Kami perintahkan kepadanya): «Ambillah dengan tanganmu seikat jerami kemudian pukullah (isterimu) dengannya, dan janganlah engkau merosakkan sumpahmu itu^(١)». Sesungguhnya Kami mendapati Ayub itu seorang yang sabar, dia adalah sebaik-baik hamba, sesungguhnya dia seorang yang taat (kepada Kami dengan ibadatnya).

وَخَذْ بِكَ ضَعْثَانَ فَاصْرِبْ بِهِ وَلَا تَحْنِثْ إِنَّا
وَجَدْنَاهُ صَابِرًا عَمَّا يَعْبُدُ إِنَّهُ مُؤْمِنٌ ﴿٤٣﴾

45. (Ingatlah peristiwa) hamba-hamba Kami Ibrahim, Ishak dan Yaakub yang mempunyai kekuatan (melaksanakan taat setianya) dan pandangan

وَأَذْكُرْ عَبْدَنَا إِبْرَاهِيمَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ أُولَئِكَ
الْأَيْدِي وَالْأَبْصَرِ ﴿٤٤﴾

- = berkumpul kembali dengan keluarganya. Mereka kemudiannya berkembang dua kali ganda daripada jumlah yang asal.
- 1 Nabi Ayub a.s telah bersumpah bahawa dia akan memukul isterinya jika sakitnya sembuh sebagai hukuman kerana isterinya lalai menguruskannya sewaktu dia sakit. Tetapi akhirnya dia merasa belas terhadap isterinya sehingga tidak dapat memenuhi sumpahnya itu. Maka turunlah perintah Allah supaya dia memukul dengan seikat jerami agar dia dapat melaksanakan sumpahnya tanpa menyakiti isterinya.

yang mendalam (memahami agamanya).

46. Sesungguhnya Kami telah jadikan mereka suci bersih dengan satu sifat mereka yang murni, iaitu sifat sentiasa mengingati negeri akhirat.
47. Sesungguhnya mereka di sisi Kami adalah daripada pilihan yang sebaik-baiknya.
48. (Ingatlah peristiwa) Ismail, Ilyasa' serta Zulkifli, mereka masing-masing adalah daripada orang yang baik.
49. (Sifat-sifat yang mulia) ini adalah satu penghormatan (bagi mereka). Sesungguhnya bagi orang yang bertakwa, disediakan tempat kembali yang baik (pada hari akhirat kelak).
50. Iaitu beberapa buah syurga tempat penginapan yang kekal, yang terbuka pintu-pintunya bagi mereka.
51. (Mereka akan bersukaria) dalam syurga itu sambil berbaring (di atas pelamin), mereka meminta di situ buah-buahan dan minuman yang pelbagai jenis dan rasa.
52. Di sisi mereka pula bidadari-bidadari yang pandangannya hanya tertumpu (kepada mereka), serta sebaya umurnya.

إِنَّا أَخَصَّتْهُمْ بِمَا لَصَبَرُوا إِنَّ اللَّهَ يَرِي
٤٦

وَلَأَنَّهُمْ عَنَّا مِنَ الْمُحْسِنِينَ الْأَكْيَارِ
٤٧

وَأَذْكُرْ إِسْمَاعِيلَ وَالْيَسَعَ وَذَا الْكَهْلِ وَكُلُّ
مِنَ الْأَكْيَارِ
٤٨

هَذَا ذِكْرُ وَلَكُمْ الْمُتَقِينَ لَحْسَنَ مَعَابِ
٤٩

جَئَتْ عَدْنَ مُفَتَّحَةً لَهُمُ الْأَكْوَبُ
٥٠

مُشَرِّكِينَ فِيهَا يَدْعُونَ فِيهَا إِنْكَهْرَةٌ شِيرَةٌ وَسَرَابٌ
٥١

*وَعِنْهُمْ قَصْرُ الْطَّرِيفُ أَثْرَابُ
٥٢

- 53.** Inilah balasan yang dijanjikan kepada kamu pada hari Perhitungan⁽¹⁾.
- 54.** Sesungguhnya ini ialah kurniaan Kami kepada kamu, kurniaan yang tidak akan habis.
- 55.** Nikmat-nikmat ini (adalah bagi orang yang bertakwa). Dan sesungguhnya bagi orang yang zalim seburuk-buruk tempat kembali.
- 56.** Iaitu neraka Jahannam yang mereka akan memasukinya, maka seburuk-buruk tempat menetap ialah neraka Jahannam.
- 57.** Inilah azab yang dijanjikan, maka hendaklah mereka merasainya. Air panas yang menggelegak dan air danur yang mengalir (untuk minuman mereka).
- 58.** Serta pelbagai jenis azab yang lain yang serupa buruknya dan dahsyatnya.
- 59.** (Penjaga neraka berkata kepada ketua-ketua golongan kafir itu): «Ini ialah serombongan (orang kamu) yang masuk berasak-asak bersama-sama kamu». (Ketua-ketua itu berkata): «Mereka tidak perlu dialu-alukan, kerana sesungguhnya mereka pun akan memasuki neraka».
- 60.** Pengikut-pengikut mereka menjawab: «Bahkan kamulah

هَذَا مَا تُوعْدُونَ لِيَوْمِ الْحَسَابِ ﴿٥٣﴾

إِنَّ هَذَا لَرِزْقًا مَالِهٗ مِنْ نَفَادٍ ﴿٥٤﴾

هَذَا وَإِنَّ لِلظَّاغِنِينَ لَشَرَّ مَغَابٍ ﴿٥٥﴾

جَهَنَّمَ يَصْلُوْهَا فِيْسَنَ الْمَهَادُ ﴿٥٦﴾

هَذَا أَفَكَدُ رُوفُوهُ حَمِيمٌ وَعَسَاقٌ ﴿٥٧﴾

وَآخَرُونَ مِنْ شَكَلِهِ أَرْوَاحٌ ﴿٥٨﴾

هَذَا أَفَقْحٌ مُقْتَحِمٌ مَعَكُمْ لَا مَرْجَبٌ
بِهِمْ إِنَّهُمْ صَالُوْلَانِارٍ ﴿٥٩﴾

قَالُوا بَلْ أَنْتُمْ لَا مَرْجَبٌ كُمْ أَنْتُمْ قَدَّ مَثُمُودُ لَنَا
فِيْسَ الْقَرْأَنُ ﴿٦٠﴾

1 hari kiamat.

yang tidak perlu dialu-alukan, kerana kamulah yang membawa azab ini kepada kami, maka amat buruk neraka ini sebagai tempat tinggal».

61. Mereka berkata lagi: «Wahai Tuhan kami! Sesiapa yang membawa azab ini kepada kami, maka tambahkanlah baginya azab yang berlipat kali ganda di dalam neraka».
62. Penduduk neraka itu akan bertanya sesama sendiri: «Mengapa kita tidak melihat orang yang dulunya kita anggap sebagai orang jahat (lagi hina)?»
63. «Adakah kita mempersendakan mereka (sedangkan mereka orang yang benar)? Atau mata kita tidak dapat melihat mereka?»
64. Sesungguhnya (segala yang diterangkan) itu adalah benar iaitu perbalahan dan cercaan penduduk neraka sesama sendiri.
65. Katakanlah (wahai Muhammad): «Sesungguhnya aku hanyalah seorang rasul pemberi peringatan. Tidak ada sama sekali tuhan yang sebenar melainkan Allah yang Maha Esa lagi Maha Gagah Perkasa».
66. «Tuhan langit dan bumi dan apa yang ada di antara keduanya, yang Maha Perkasa lagi Maha Pengampun».

فَالْأَوْرَبَتَ مَنْ قَدَّمَ لَنَا هَذَا فَرِزْدَهُ عَذَابًا
ضَعَقَافِي الْنَّارِ ﴿٦١﴾

وَقَالُوا مَا لَنَا لَا نَرَى بِجَالِكَانَعْدُهُونَ
الْأَشْرَارِ ﴿٦٢﴾

أَنْتَخَدْنَاهُمْ سَحِيرًا أَمْ رَاغَتْ عَنْهُمْ الْأَبْصَرُ ﴿٦٣﴾

إِنَّ ذَلِكَ لَحَقَ تَخَاصِمًا أَهْلَ الْنَّارِ ﴿٦٤﴾

قُلْ إِنَّمَا أَنْتَ مُنْذِرٌ وَمَا مِنْ إِلَهٍ إِلَّا اللَّهُ أَلْوَاحِدُ
الْقَهَّارِ ﴿٦٥﴾

رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا يَنْهَا مَا الْعَزِيزُ
الْعَفْرَ ﴿٦٦﴾

فُلْ هُونَئُأْ عَظِيمٌ
٦٧

أَنْتُ عَنْهُ مُعَرِّضُونَ
٦٨

مَا كَانَ لِي مِنْ عِلْمٍ بِالْمَلَائِكَةِ إِلَّا أَنَّهُنَّ مُحَمَّدُونَ
٦٩

إِنْ يُوحَى إِلَيَّ إِلَّا أَنَّمَا أَنْذِرْتُ مُبِينًا
٧٠

إِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي خَلَقْتُ بَشَرًا مِنْ طِينٍ
٧١

فَإِذَا سَوَّيْتُهُ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِنْ رُوحِي فَقَعَ عَلَيْهِ
٧٢

سَجَدُوا
سَجِلِّينَ

فَسُجِّدَ الْمَلَائِكَةُ كُلُّهُمْ أَجَمَعُونَ
٧٣

إِلَّا إِنَّلِيسَ أَسْتَكْبَرَ وَكَانَ مِنَ الْكَافِرِينَ
٧٤

قَالَ يَأَتِيلِيسُ مَا مَنَعَكَ أَنْ تَسْجُدَ لِمَا خَلَقْتَ
يَبْدِئُ أَسْتَكْبَرَتْ أَمْكَثَتْ مِنَ الْعَالَمِينَ
٧٥

67. Katakanlah lagi: «Apa yang aku terangkan itu (tentang keesaan Allah dan kebenaran kerasulanku) adalah berita penting yang amat besar».
68. «Yang kamu terus mengingkarinya».
69. «Aku tidak mempunyai sebarang pengetahuan tentang penduduk alam yang tinggi (malaikat), semasa mereka berosal jawab (mengenai Adam)».
70. «Tidaklah diwahyukan kepadaku melainkan kerana aku seorang rasul pemberi peringatan yang nyata».
71. Ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: «Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia daripada tanah».
72. «Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh daripada (ciptaan) Ku, maka hendaklah kamu sujud kepadanya».
73. Maka sujudlah semua malaikat.
74. Melainkan Iblis, ia menyombongkan diri maka jadilah ia daripada golongan yang kafir.
75. Allah berfirman: «Hai iblis! Apakah yang menghalangmu daripada turut sujud kepada (Adam) yang Aku telah ciptakan

dengan kedua-dua tanganKu?
Adakah engkau menyombongkan
diri, ataupun engkau termasuk
golongan yang tertinggi?»

76. Iblis menjawab: «Aku lebih baik daripadanya, Engkau ciptakan aku daripada api, sedangkan dia Engkau ciptakan daripada tanah».
77. Allah berfirman: «Kalau demikian, keluarlah engkau daripadanya, kerana sesungguhnya engkau adalah makhluk yang diusir».
78. «Dan sesungguhnya engkau ditimpa laksatku terus menerus hingga ke hari kiamat!»
79. Iblis berkata: «Wahai Tuhan! Jika demikian, berilah tempoh kepadaku hingga ke hari mereka dibangkitkan (hari kiamat)».
80. Allah berfirman: «Maka sesungguhnya engkau daripada golongan yang diberi tempoh».
81. «Sampai hari yang telah ditentukan waktunya».
82. Iblis berkata: «Demi kekuasaanMu (wahai Tuhan), aku akan menyesatkan mereka semua».
83. «Kecuali hamba-hambaMu yang terpilih di antara mereka».
84. Allah berfirman: «Maka Akulah Tuhan yang sebenar-benarnya, dan hanya kebenaran yang Aku firmankan».

قَالَ أَنْتَ حَيْرَانٌ فِي مَا حَلَقْتَنِي مِنْ تَارِيْخَكَمْ وَحَلَقْتَهُ مِنْ طَيْنٍ ﴿٧٦﴾

قَالَ فَأَخْرُجْ مِنْهَا إِنَّكَ رَجِيمٌ ﴿٧٧﴾

وَإِنَّ عَيْنَكَ لَعَنِي إِلَى يَوْمِ الْيَقْيَادِينَ ﴿٧٨﴾

قَالَ رَبِّيْ فَأَنْظُرْنِي إِلَى يَوْمِ يُبَعْثُرُونَ ﴿٧٩﴾

قَالَ فَإِنَّكَ مِنَ الْمُنْظَرِينَ ﴿٨٠﴾

إِلَى يَوْمِ الْوَقْتِ الْمَعْلُومِ ﴿٨١﴾

قَالَ فَقِعَرْتَكَ لَأَغْوِيَنَّهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٨٢﴾

إِلَّا عَبَادَكَ مِنْهُمُ الْمُحَاسِنَ ﴿٨٣﴾

قَالَ فَأَلْحَقْ وَلَحَقْ أَقْرُلُ ﴿٨٤﴾

85. «Sesungguhnya! Aku akan penuhkan neraka Jahannam denganmu dan dengan semua yang mengikutimu».
86. Katakanlah (wahai Muhammad): «Aku tidak meminta kepada kamu sebarang upah kerana menyampaikan ajaran al-Quran ini dan aku bukan termasuk orang yang mereka-reka».
87. Ia (al-Quran) tidak lain hanyalah peringatan bagi penduduk semesta alam.
88. Sesungguhnya, kamu akan mengetahui kebenaran perkara-perkara yang diterangkannya tidak lama lagi⁽¹⁾.

لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنْكَ وَمَنْ يَعْكَ مِنْهُ أَجْمَعِينَ ﴿٨٥﴾

قُلْ مَا أَحَدُ كُفَّارُكُ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ وَمَا أَنْتُ مَعَ الْمُشْكِكِينَ ﴿٨٦﴾

إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِّلْعَالَمِينَ ﴿٨٧﴾

وَلَأَعْلَمُنَّ بَأَهْوَاءِ بَعْدَ حِينَ ﴿٨٨﴾

1 Kebenaran berita al-Quran itu ada yang terlaksana di dunia dan ada yang terlaksana di akhirat. Yang terlaksana di dunia seperti kebenaran janji Allah kepada orang yang beriman bahawa mereka akan menang dalam perperangan dan yang terlaksana di akhirat seperti kebenaran janji Allah tentang balasan terhadap manusia.